

# Dasar, ketetapan baharu tentukan hala tuju negara

Fasa penting pelaksanaan pentadbiran, sosial dan ekonomi bermula Januari tahun depan

Oleh Nuratikah Athilya Hassan  
nuratikah@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Mulai 1 Januari 2026, beberapa dasar dan ketetapan baharu mula berkuat kuasa, menandakan fasa penting dalam pelaksanaan pembaharuan pentadbiran, sosial dan ekonomi negara.

Antaranya penstrukturan semula dasar belia, pelarasan gaji penjawat awam hingga pengenalan modul etika siber di sekolah, perubahan ini dijangka memberi kesan langsung kepada rakyat serta hala tuju tadbir urus negara dalam jangka sederhana dan panjang.

## 1. Pelaksanaan Modul Etika Siber Nasional (ESN)

Bermula Januari 2026, sekolah rendah dan menengah terpilih akan melaksanakan Modul Etika Siber Nasional (ESN) untuk membentuk generasi digital yang beretika, selamat dan bertanggungjawab.

Langkah itu inisiatif kerajaan menangani cabaran penggunaan teknologi digital dan media sosial dalam kalangan pelajar.

Modul ESN merangkumi enam topik utama, termasuk etika digital, keselamatan dan privasi, hak dan tanggungjawab digital untuk membimbing pelajar membuat keputusan bijak ketika berinteraksi dalam dunia maya.

Pelaksanaan ESN langkah penting untuk melengkapkan pelajar bukan sekadar memiliki kemahiran teknikal, tetapi juga aspek nilai dan sikap dalam penggunaan teknologi. Murid terdedah kepada kandungan tidak sesuai dan buli siber dan modul ini boleh menjadi panduan awal mengurangkan risiko itu.

## 2. Pelaksanaan Fasa 2 SSPA

Pada 1 Januari ini juga, Fasa 2 Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang membabitkan pelarasan gaji tambahan bagi penjawat awam mengikut struktur saraan baharu.



Penjawat awam akan menerima gaji dikemas kini dijadual pada 22 Januari.

Pembayaran gaji yang dikemas kini dijadualkan dibuat pada 22 Januari 2026. Pelarasan gaji penjawat awam dan pesara, ini mengandungi kenaikan tiga peratus (kumpulan tertinggi) hingga tujuh peratus (pengurusan, profesional, pelaksana) yang dikira berdasarkan gaji akhir Disember 2025.

## 3. Had pengecualian cukai RM300,000 kereta mewah Langkawi, Labuan dikenakan

Kerajaan akan menghadkan pengecualian cukai kenderaan di Langkawi dan Labuan kepada nilai tidak melebihi RM300,000.

Langkah ini bagi menangani isu ketirisan hasil negara yang berpunca daripada segelintir pemilik kenderaan mewah yang sekian lama mengambil kesempatan daripada kemudahan di pulau bebas cukai berkenaan. Keputusan itu sebahagian usaha kerajaan untuk membaiki tatakelola dan menutup ruang ketirisan hasil negara.

## 4. Kadar kompaun saman JPJ, PDRM diselaraskan

Kementerian Pengangkutan memaklumkan kadar dan kaedah kompaun saman trafik akan diselaraskan di antara Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Kementerian Pengangkutan menyatakan inisiatif berkenaan bertujuan memastikan pelaksanaan undang-undang jalan raya yang seragam dan adil.

Pada masa sama, kerajaan turut memperkenalkan prinsip baharu *The Less You Delay, The Less You Pay* yang menawarkan kadar kompaun lebih rendah kepada individu yang membuat pembayaran saman lebih awal.

Berdasarkan struktur baharu itu, pengurangan 50 peratus di-

berikan bagi pembayaran dalam tempoh satu hingga 15 hari, 33 peratus bagi 16 hingga 30 hari, manakala kadar maksimum dikenakan bagi 31 hingga 60 hari.

Sementara itu, bagi tempoh melebihi 61 hari, tindakan mahkamah atau senarai hitam akan dikenakan.

## 5. Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019

Ketetapan had usia belia kepada 30 tahun juga akan berkuat kuasa 1 Januari 2026, selaras dengan pelaksanaan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019.

Langkah itu menandakan fasa baharu dalam penstrukturan gerakan belia negara dengan tumpuan kepada pembabitan golongan lebih muda dalam kepemimpinan dan aktiviti pertubuhan belia.

## 6. Akta Keselamatan Dalam Talian (ONSA)

Malaysia sedang mengorak langkah ke fasa baharu keselamatan digital dengan penguatkuasaan Akta Keselamatan Dalam Talian 2024.

Akta berkenaan memberi kuasa kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) untuk memastikan platform media sosial serta penyedia perkhidmatan digital mengambil langkah proaktif mengesahkan penipuan siber, eksploitasi kanak-kanak, buli dalam talian dan penyebaran maklumat palsu.

Terdapat tiga tanggungjawab utamanya kepada penyedia platform iaitu memastikan keselamatan platform, melindungi kanak-kanak di bawah umur 13 tahun dan menghadkan akses kepada kandungan berbahaya.